

KDNK sahaja tidak boleh ukur pertumbuhan ekonomi

PULAU PINANG 22 Nov. - Seorang ahli ekonomi tempatan yang kini bertugas di Universiti Politeknik Hong Kong berkata, pertumbuhan ekonomi sesebuah negara tidak boleh diukur berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebagaimana digunakan sekarang.

Ketua Sekolah Perakaunan dan Kewangan universiti itu, Prof. Ferdinand A. Gul berkata, KDNK semata-mata tidak boleh digunakan untuk mengukur unjuran pertumbuhan ekonomi.

Beliau yang berasal dari Kulim, Kedah berkata, pertumbuhan KDNK yang digunapakai hanya membabitkan peratusan sahaja dan tidak menggambarkan keadaan sebenar pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

"Pertumbuhan ekonomi harus di kira melalui kualiti pendapatan yang tinggi untuk isi rumah, kemudahan kesihatan untuk penduduk serta bebas pencemaran," katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar sempena penganjuran simposium *Journal Of Contemporary Accounting and Economics (JCAE)* di sini hari ini.

Simposium yang akan berlang-

Um-23/11/2006
sung pada 3 hingga 7 Januari tahun depan itu dianjurkan bersama oleh Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Sekolah Perakaunan dan Kewangan, Universiti Politeknik Hong Kong.

Sebelum bertugas di Universiti Politeknik Hong Kong, A. Gul pernah dilantik Ketua Jabatan Perakaunan dan Pengarah Pusat Perakaunan dan Tadbirurus Korporat, Universiti Bandaraya Hong Kong serta Profesor Perakaunan di Universiti Cina Hong Kong.

Sebelum berhijrah ke Hong Kong pada 1990, beliau adalah Profesor Perakaunan dan Timbalan Dekan di Sekolah Perdagangan di Universiti Griffith, Australia.

Sambil tidak menafikan angka-angka yang dikeluarkan, A. Gul berkata, untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat, tiga faktor iaitu kualiti pendapatan, kemudahan kesihatan dan bebas pencemaran perlu diambil kira dalam menentukan KDNK sesebuah negara.

Katanya, tiga faktor itu perlu diambil kira sebelum sesebuah negara membuat kesimpulan mengenai tahap KDNK sama ada naik atau

turun kerana ia memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara dan jirannya.

Keputusan untuk mengemukakan keadaan sesebuah KDNK perlu mengambil kira kepada pertumbuhan ekonomi yang positif selain iklim pelaburan yang baik sama ada pelaburan asing dan domestik serta pencapaian pasaran saham, katanya.